

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Pulau Pinang.



Tel : 04-8307777
Faks : 04-8307899
Portal Rasmi : <http://jksnpp.penang.gov.my>

Rujukan kami : JKSP.600 -1/3/3 (17)
Tarikh : 26 Mac 2025
25 Ramadhan 1446H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar dan Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif/Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2025
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) MAJLIS TAHKIM DAN CARTA ALIR
KES HAKAM JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Tuan-Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar terhadap keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bilangan 4 Tahun 2024 pada 24 Mac 2025 telah bersetuju dan mengesahkan untuk mengguna pakai Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Tahkim dan Carta Alir Kes Hakam di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran A.

Arahan ini berkuat kuasa serta-merta

(ASRUL NIZAM BIN YAHYA)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

LAMPIRAN A

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) MAJLIS TAHKIM DAN CARTA ALIR KES HAKAM JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

MAJLIS TAHKIM

Majlis *Tahkim* ialah proses perbincangan di antara suami dan isteri bersama *Hakam* masing-masing yang telah dilantik melalui proses Mahkamah. Perbincangan yang dilaksanakan adalah bertujuan mencari penyelesaian dan jalan keluar daripada syiqaq yang sedang berlaku di antara suami isteri tersebut. Jalan Penyelesaian tersebut sama ada suami isteri itu berdamai dan menjalani kehidupan perkahwinan semula dalam keadaan rahmah dan mawaddah atau diputuskan ikatan perkahwinan mereka oleh *Hakam* melalui lafaz talaq atau *khul'*.

SOP Hakam ini bertujuan memberi panduan kepada para *Hakam* dan juga pihak-pihak yang terlibat di dalam menjalankan proses Majlis *Tahkim* khususnya di Negeri Pulau Pinang sementara menanti Kaedah Hakam diwartakan. Majlis *Tahkim* yang dijalankan dengan cara berpanduan kepada SOP ini akan membantu *Hakam* dan pihak-pihak mencapai keputusan yang adil dan memberi kebaikan kepada suami isteri yang terlibat.

PROSES MAJLIS TAHKIM

1) TAARUF BERSAMA (HAKAM DAN PIHAK-PIHAK)

a) *Hakam* perlulah:

- i- membuka Majlis *Tahkim* dengan ucapan aluan dan doa.
- ii- memperkenalkan diri kepada pihak-pihak;
- iii- menyampaikan matlamat Majlis *Tahkim* adalah bertujuan mencari **jalan penyelesaian** antara kedua pihak sama ada **mengekalakan perkahwinan (perdamaian)** atau **perceraian secara baik**.
- iv- menerangkan peraturan dan etika Majlis *Tahkim* antaranya:
 - Pihak-pihak memberikan penjelasan tentang masalah yang berlaku.
 - Bercakap dalam keadaan yang tenang dan sopan serta tidak boleh meninggikan suara.
 - Menghormati *Hakam*, pasangan dan Majlis *Tahkim*.
 - bercakap mengikut giliran atau sekiranya diminta.

-menggunakan perkataan dan bahasa yang sopan.

b) *Hakam* hendaklah:

- i- Meminta pihak-pihak memperkenalkan diri dan latar belakang masing-masing serta perkahwinan mereka.
- ii- menggalakkan pihak-pihak bekerjasama dan berusaha sebaik mungkin untuk mencapai penyelesaian.
- iii- Menjelaskan kepada pihak-pihak bahawa perbincangan yang dijalankan di dalam Majlis *Tahkim* adalah bersifat rahsia dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali diarahkan oleh Mahkamah.

2) PEMBENTANGAN AWAL PRINSIPAL (PIHAK-PIHAK) BERSAMA HAKAM MASING-MASING.

- a) *Hakam* hendaklah meminta prinsipal menceritakan dengan benar dan jujur ketika menjelaskan permasalahan rumah tangga yang mereka hadapi.
- b) *Hakam* hendaklah mencatat permasalahan tersebut bagi mengenal pasti skop permasalahan yang dibangkitkan oleh prinsipal masing-masing.
- c) *Hakam* hendaklah mencatatkan dakwaan prinsipal terhadap pasangannya untuk dibincangkan pada sesi *Hakam* bersama pasangan prinsipal.
- d) Usaha-usaha penyelesaian telah dilakukan bagi memulihkan hubungan suami isteri.

3) PEMBENTANGAN PRINSIPAL (PIHAK-PIHAK) BERSAMA HAKAM PASANGAN

- a) *Hakam* hendaklah meminta prinsipal menceritakan dan menjelaskan permasalahan rumah tangga yang dihadapinya.
- b) *Hakam* hendaklah mencatat permasalahan tersebut bagi mengenal pasti skop permasalahan yang dibangkitkan oleh prinsipal masing-masing.
- c) *Hakam* hendaklah mencatatkan dakwaan prinsipal terhadap pasangannya untuk dibincangkan pada sesi *Hakam* bersama pasangan prinsipal.
- d) Penyelesaian telah dilakukan bagi memulihkan hubungan suami isteri

4) PEMBENTANGAN KEDUA-DUA HAKAM BERSAMA PRINSIPAL (PIHAK-PIHAK)

Hakam membentangkan hasil pertemuan dengan prinsipal dengan cara:

- a) Membuat perbandingan masalah dan dakwaan yang dibuat oleh prinsipal.

- b) Menjalankan proses temubual bagi mendapat penjelasan bagi setiap permasalahan dan dakwaan yang dibuat oleh setiap prinsipal.
- c) Mengenal pasti punca permasalahan.
- d) Lain-lain cara yang bersesuaian.

5) PERBINCANGAN OLEH KEDUA-DUA *HAKAM*

Kedua-dua *Hakam* hendaklah:

- a) Menilai dan mempertimbangkan setiap fakta dan isu yang diperolehi daripada pihak-pihak bagi menentukan punca syiqaq melalui cara-cara berikut antaranya:
 - i. Pengakuan pihak-pihak secara langsung atau tidak;
 - ii. Apa-apa dokumen yang dirujuk oleh mana-mana pihak;
 - iii. Kenyataan pihak-pihak yang dipersetujui secara langsung atau tidak langsung; Cth: P dakwa D balik lambat dan D jawab balik lambat sebab over time.
 - iv. Pernyataan mana-mana pihak lain yang dipanggil oleh *Hakam*.
- b) *Hakam* hendaklah berusaha membuat kesimpulan atau keputusan **secara bersama** berdasarkan:
 - i) Kewajaran perkahwinan didamaikan atau dipisahkan.
 - ii) Menentukan punca permasalahan daripada pihak yang mana, sama ada daripada pihak suami atau isteri atau kedua-duanya.
 - iii) Sekiranya permasalahan berpunca daripada isteri perceraian hendaklah secara tebus talak/ khuluq dan *hakam* menentukan kadar 'iwadh/ bayaran yang sewajarnya.
 - iv) Jika permasalahan berpunca daripada suami atau daripada kedua-duanya atau punca tidak dapat dikenal pasti maka perceraian hendaklah secara bain sughra.
 - v) Sekiranya pihak-pihak bersetuju untuk berpisah *Hakam* perlu memastikan kuasa yang diberikan oleh prinsipal kepadanya. Jenis talak pada peringkat ini ialah secara talak raj'ie. Sekiranya ke peringkat *hakam* Mahkamah maka jenis talak ialah talak bain sughra.
 - vi) Sekiranya *Hakam* berpendapat pasangan wajar didamaikan maka satu laporan dikeluarkan merujuk kepada perkara tersebut.

6) LAPORAN DAPATAN MAJLIS TAHKIM KEPADA PIHAK-PIHAK

Hakam menjelaskan hasil majlis tahkim kepada pihak-pihak untuk faham dan kepastian.

- i) Jika pihak-pihak wajar didamaikan, Hakam hendaklah menasihati pihak-pihak untuk hidup sebagai suami isteri sebagaimana tuntutan syarak melalui pendekatan berikut antaranya:
 - a. Menjelaskan tanggungjawab suami isteri mengikut hukum syarak;
 - b. Mengutamakan tanggungjawab suami isteri;
 - c. Bertolak ansur;
 - d. Bersyukur dengan rezeki yang ada;
 - e. Komunikasi yang baik;
 - f. Bersabar.


7) TEMPOH MASA MAJLIS TAHKIM

- a) *Hakam* hendaklah berusaha untuk menyelesaikan Majlis *Tahkim* seberapa segera yang mungkin dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelantikan oleh Hakim.
- b) Sekiranya *Hakam* memerlukan pelanjutan tempoh, *Hakam* hendaklah memohon pelanjutan tempoh masa tersebut daripada Mahkamah.

8) PENENTUAN KADAR 'IWADH

- a) Penentuan kadar '*Iwadh*' hendaklah diputuskan oleh *Hakam*. Cadangan disediakan formula penentuan kadar *Iwadh* –
 - i. Jumlah tawaran yang dicadangkan oleh prinsipal (jika ada);
 - ii. Taraf kewangan suami dan isteri;
 - iii. Nilai maskahwin isteri;
 - iv. Status dan kedudukan suami dan isteri dalam masyarakat;

CARTA ALIR KES HAKAM



1	SIGHAH TALAQ	
	Lafaz Hakam suami:	(a) dengan kuasa penuh dari pihak-pihak
		"Saya dengan kuasa yang diberi oleh (Nama Suami), menceraikan (Nama Isteri) dengan talaq satu".
		(b) Dengan kuasa penuh oleh Mahkamah
		"Saya dengan kuasa penuh yang diberi oleh Mahkamah, bagi pihak suami (Nama Suami), menceraikan (Nama Isteri) dengan talaq satu".
2	SIGHAH KHUL'	
	Lafaz Ijab Hakam suami:	(a) dengan kuasa penuh dari pihak-pihak
		"Saya dengan kuasa yang diberi oleh (Nama Suami), menceraikan (Nama Isteri) dengan khul' sebanyak Ringgit Malaysia (jumlah) atau (harta lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut".
	Lafaz terima (qabul) dengan serta-merta oleh Hakam isteri	"Saya terima khul' bagi pihak (Nama Isteri) atas persetujuannya sebanyak Ringgit Malaysia (jumlah) atau (harta lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut".
	Lafaz Ijab Hakam Suami:	(b) dengan kuasa penuh oleh Mahkamah
		"Saya dengan kuasa penuh yang diberi oleh Mahkamah, bagi pihak (Nama Suami) menceraikan (Nama isteri) dengan khul' sebanyak Ringgit Malaysia..... (nilai ringgit) atau harta lain atau manfaat yang bernilai yang tersebut".
	Lafaz terima (qabul) dengan serta-merta oleh Hakam isteri	"Saya sebagai Hakam bagi pihak (Nama Isteri), menerima khul' sebanyak Ringgit Malaysia (jumlah) atau..... (harta lain atau manfaat yang bernilai) yang tersebut".